

KESIMPULAN

Filipina telah dijajah oleh Sepanyol selama 333 tahun dan jangka waktu itu bolehlah dianggap sebagai amat panjang untuk sesebuah kuasa asing menjajah sesebuah negara. Bagaimanakah reaksi penduduk tempatan terhadap penjajahan ini? Ketidaksedaran bahawa mereka telah dikuasai menyebabkan tidak adanya penentangan besar pada peringkat awal. Apa yang berlaku adalah penentangan-penentangan kecil yang terhad di satu-satu kawasan seperti pemberontakan Tayabas, Lakan Dula dan sebagainya. Nasionalisme dalam ertikata sebenar hanya wujud pada pertengahan kedua abad ke 19.

Terdapat pelbagai sebab yang menyebabkan kelewatan ini. Bentuk muka bumi Filipina yang terdiri daripada banyak pulau menyukarkan proses penyatuan dan integrasi mereka sebagai satu entiti politik. Kepelbagaiannya bahasa dan adat istiadat menyukarkan lagi keadaan. Pihak Sepanyol bijak menggunakan keadaan-keadaan ini untuk kepentingan penjajahan mereka. Tidak ada usaha menyatukan orang Filipina malah sistem pasport dikenakan kepada mereka yang hendak ke wilayah atau pulau lain. Sepanyol membahagikan masyarakat dengan dasar pecah dan perintah dan menyemaikan semangat regionalisme dan perasaan ethnicity agar tidak wujud satu semangat nasionalisme. Sifat imperial Sepanyol jelas terbukti apabila mereka hanya mengajar bahasa Sepanyol di Filipina mulai tahun 1863. Walau apa sekalipun usaha-usaha yang diambil oleh penjajah Sepanyol, tetapi kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Filipina adalah seolah-olah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Penindasan-penindasan pihak Sepanyol mula disedari dan penduduk tempatan memperjuangkan hak mereka.

Insiden apakah yang sebenarnya telah menyedarkan orang Filipina? Peristiwa Pemberontakan Cavite 1872 yang menyaksikan pembunuhan tiga orang paderi telah menjadi pemangkin nasionalisme di Filipina. Insiden pembunuhan tersebut mendapat perhatian seluruh masyarakat Filipina. Mereka menyuarakan rasa tidak puashati terhadap golongan paderi Sepanyol dan penjajahan. Isu ketidakadilan ini menyemarakkan perasaan marah dan membangkitkan respon seluruh lapisan masyarakat Filipina. Lantaran itu, insiden Cavite menjadi titik tolak dalam sejarah perkembangan nasionalisme di Filipina.

Perkembangan nasionalisme di Filipina adalah berdasarkan idea-idea yang dibangkitkan terhadap cinta kepada *motherland*. Konsep *motherland* di dalam perkembangan nasionalisme Filipina amat berkait-rapat dengan idea nasionalisme yang dicetuskan. Semangat nasionalisme tidak akan tercetus sekiranya tidak ada perasaan cinta terhadap *motherland*. Malah boleh dikatakan nasionalisme menempatkan cinta terhadap *motherland* dalam kedudukan paling tinggi. Semangat cintakan kepada negara itulah yang paling diutamakan apabila kita mengkaji perkembangan nasionalisme di Filipina.

Selepas memenuhi ciri ini, para nasionalis harus memikirkan bentuk kerajaan yang bakal dibentuk untuk mentadbir *motherland* tersebut. Dalam konteks Filipina, perkembangan nasionalisme yang bermula pada penghujung abad ke 19 telah mencapai kemuncaknya dengan penubuhan Republik Malolos pada tahun 1899. Republik yang dibentuk adalah simbol atau institusi kepada konsep *motherland* yang diperjuangkan. Idea *motherland* telah dimanifestasi dalam bentuk kerajaan republik yang ditubuhkan. Republik yang ditubuhkan itu bukanlah dicapai dengan mudah, tetapi ia telah berkembang melalui beberapa tahap iaitu bermula dengan tahap pasif dan seterusnya berkembang kepada tahap aktif.

Dalam mengkaji perkembangan idea nasionalisme di Filipina, kita tidak dapat mengenepikan peranan tiga tokoh utama iaitu Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo. Rizal telah membawa idea gerakan nasionalisme bercorak pasif atau secara keamanan. Bonifacio membawa gerakan nasionalisme bercorak aktif dengan mendukung idea revolusi. Aguinaldo meneruskan tahap aktif tersebut dengan memperkenalkan idea republik. Demikianlah rumusan yang dapat dibuat tentang tiga pelopor tersebut serta peranan mereka dalam perkembangan nasionalisme mengikut tahap yang berbeza.

Namun begitu dalam meneliti ideologi yang dibawa oleh tiga tokoh tersebut, kita tidak boleh mengabaikan satu perkara yang mencirikan ideologi masing-masing iaitu konsep *motherland* yang menjadi pegangan mereka. Sesungguhnya terdapat perbezaan yang ketara tentang perkara ini. Idea *motherland* yang diperjuangkan oleh orang Filipina adalah berbeza pada peringkat awal dan berubah pada peringkat akhir.

Walaupun Rizal terkenal sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan telah meletakkan dasar yang kukuh dalam perkembangan nasionalisme, tetapi beliau meletakkan Sepanyol sebagai *motherland* untuk mendapat pengiktirafan Filipina sebagai “anak” kepada Sepanyol. Dengan sebab itu Rizal menuntut perwakilan dalam *Cortes* Sepanyol. Bagi beliau matlamat mendapatkan persamaan taraf dengan pihak Sepanyol adalah aspirasi utamanya dan hasrat ini harus dicapai melalui cara keamanan dan bukannya dengan kekerasan.

Sebagai seorang reformis berfikiran liberal, idea-idea revolucionari seperti penentangan bersenjata ditolak oleh Rizal. Sebagai tokoh yang menerajui perjuangan secara aman atau pasif mirip ideologi Mahatma Gandhi di India, perjuangan tanpa keganasan adalah corak yang dipraktikkan. Tambahan pula, Rizal berpendapat penduduk

Filipina masih belum bersedia dari segi mental dan fizikal untuk mencetuskan suatu revolusi dalam bentuk penentangan bersenjata.

Bagi Rizal nasionalisme adalah, setiap individu harus menikmati persamaan taraf, hak asasi yang sama rata, semua bangsa dianggap sama taraf dan tiada perbezaan kelas di antara mereka serta mempunyai kebebasan penuh. Dengan sebab itu beliau memperjuangkan persamaan taraf dan asimilasi bersama Sepanyol dan menerima Sepanyol sebagai *motherland*. Beliau sanggup meletakkan negara penjajah sebagai *motherland* orang Filipina berdasarkan prinsip yang dipegangnya iaitu persamaan taraf. Jose Rizal berjuang secara keamanan dengan mempercayai orang Sepanyol akan mengiktiraf orang Filipina sebagai sama taraf dengan bangsa Eropah. Namun semua perjuangan Jose Rizal untuk menjadikan orang Filipina sebagai sama taraf dengan orang Sepanyol tidak berjaya kerana orang Filipina masih dianggap sebagai kelas bawahan.

Di samping itu terdapat beberapa kelemahan dalam perjuangan Rizal. Misalnya tulisan-tulisan Rizal hanya meyedarkan satu golongan sahaja iaitu *ilustrado*. Tulisan-tulisannya dalam bahasa Sepanyol tidak difahami oleh golongan massa. Tulisan-tulisan Rizal gagal mempengaruhi semua lapisan masyarakat. Dua novel yang diagungkan iaitu *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* sememangnya membawa kesedaran nasionalisme. Tetapi persoalannya adakah ia menyentuh golongan massa? Tidak, kerana ia ditulis dalam bahasa Sepanyol yang tidak difahami oleh golongan massa. Sekiranya tulisan-tulisan Rizal ditulis dalam bahasa Tagalog sudah tentu, ideanya dapat mempengaruhi semua lapisan masyarakat. Sungguhpun Rizal memperjuangkan nasib semua lapisan masyarakat tetapi hasratnya tidak kesampaian. Ada pihak menyatakan Rizal sendiri ialah seorang revolusioner. Pada pendapat saya, menjadi revolusioner dalam penulisan sahaja tidak

memadai, ia harus dibuktikan dengan tindakan. Namun, Rizal berjaya mengadakan revolusi mental dalam diri orang Filipina. Melalui penulisan beliau khasnya *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo*, beliau telah membawa satu perasaan kesedaran di kalangan orang Filipina. Dengan penulisan Rizal itulah, ramai orang Filipina telah sedar akan penindasan pihak Sepanyol.

Walaupun Rizal digelar “*Father of Nationalism*” tetapi nasionalisme adalah bukan setakat membangkitkan kesedaran nasionalisme tetapi lebih daripada itu. Perjuangan nasionalisme mesti diteruskan hingga rakyat bersatu-padu dengan satu tujuan yang sama untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah dan akhirnya mendirikan suatu kerajaan yang berdaulat dan merdeka. Jadi, kemuncak nasionalisme adalah kemerdekaan dan dalam era perjuangan Rizal tidak ada usaha yang diambil untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Sepatutnya Rizal yang harus memulakan gerakan kemerdekaan tetapi beliau tidak berbuat demikian. Maka dapat dikatakan perjuangan nasionalisme Rizal gagal kerana tiada penyudahan atau kemuncak kepada perjuangan. Sumbangan utama Rizal adalah menjadi perintis dalam menyedarkan masyarakat Filipina tentang kekejaman, ketidakadilan dan penindasan penjajah Sepanyol. Walaupun menekankan Sepanyol sebagai *motherland*, Rizal membuka mata rakyat dan meletakkan asas akan pentingnya melihat diri mereka sebagai satu bangsa. Semangat yang diasaskan oleh Rizal inilah yang seterusnya membawa sifat patriotisme di kalangan rakyat Filipina khasnya kepada golongan *ilustrado*.

Agak aneh apabila nasionalisme pada peringkat awal ingin bersatu dalam wilayah Sepanyol dan cuba melihat Sepanyol sebagai *motherland* mereka, sedangkan pihak Sepanyol dari segala segi telah mengkelaskan masyarakat Filipina sebagai masyarakat yang

dijajah dan kelas rendah serta dinafikan hak sebagai satu bangsa dalam empayar Sepanyol. Peristiwa Cavite 1872 adalah salah satu bukti bahawa masyarakat Filipina tidak diberi persamaan hak dengan Sepanyol. Kalau yang menjajah Filipina itu adalah orang Sepanyol, yang melakukan kekejaman itu juga orang Sepanyol, bagaimanakah pula nasionalis Filipina boleh meletakkan Sepanyol sebagai *motherland* mereka? Sebaliknya segala taat dan cinta harus dicurah kepada negara yang didiami iaitu Filipina sebagai satu-satunya *motherland*.

Sebenarnya Pemberontakan Cavite telah memberi pengajaran kepada mereka tetapi disebabkan terlalu tebalnya semangat kebaratan serta latar belakang pendidikan Barat yang diperoleh oleh para nasionalis Filipina, maka tidak hairanlah sekiranya mereka merasakan, mendapatkan persamaan hak dari Sepanyol adalah satu kejayaan yang besar. Segala usaha dan perjuangan Rizal dan para pejuang nasionalis tahap pasif adalah menuju ke arah itu.

Walaupun nasionalisme pada peringkat awal hanya cuba menyatukan Filipina dengan orang Sepanyol, konsep *motherland* yang diperjuangkan selepas itu, iaitu selepas kegagalan gerakan propaganda menampakkan hasrat untuk memisahkan diri daripada Sepanyol dan seterusnya membentuk negara Filipina yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Dengan penubuhan Katipunan dan kemunculan Andres Bonifacio konsep *motherland* yang ditekankan oleh Bonifacio menampakkan satu perbezaan yang ketara daripada keadaan yang sebelumnya. Dengan meletakkan Filipina sebagai *motherland*, Bonifacio telah berusaha mendapat sokongan orang Filipina serta ketaatan mereka kepada negara mereka sendiri iaitu Filipina. Matlamat akhir pergerakan nasionalisme bagi Bonifacio adalah menuntut kemerdekaan daripada Sepanyol.

Bonifacio merupakan tokoh pertama yang berjaya memecahkan tembok linguistik, etnik dan sifat kepulauan yang menjadi penghalang selama ini. Kejayaan ini telah memberi sinar baru dalam perjuangan revolucioner dan telah mempercepatkan proses penyatuan masyarakat di dalam satu entiti politik.

Bonifacio yang mengikuti semua perjuangan Rizal dan golongan propaganda, telah membuat keputusan bahawa perjuangan secara pasif tidak akan berkesan dan hanya melalui tindakan agresif matlamat mereka akan mencapai kejayaan. Memandangkan berpegang kepada idea-idea masonik, Bonifacio telah bertindak radikal dengan membawa idea revolusi. Bonifacio dapat melihat penduduk Filipina itu sendiri boleh dilatih untuk mempertahankan negara.

Untuk menyebarkan idea revolusi, beliau memerlukan sebuah organisasi. Dengan itu, persatuan Katipunan ditubuhkan pada tahun 1892 iaitu pada hari Rizal ditahan. Peristiwa penahanan seorang hero yang disanjungi membawa kepada peristiwa penubuhan Katipunan. Pertubuhan inilah yang berjaya menyatukan seluruh masyarakat Filipina. Katipun telah dijadikan landasan untuk mengubah corak perjuangan pasif yang dilakukan oleh pertubuhan *La Liga* kepada perjuangan berbentuk radikal. Dapatlah disimpulkan bahawa Katipunan telah menjadi jambatan yang telah membantu dalam perubahan corak perjuangan nasionalis di Filipina iaitu pasif kepada aktif.

Mengikut Bonifacio Katipunan adalah sebuah kerajaan dan penubuhannya merupakan tahap tertinggi dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Bagi Bonifacio, Katipunan bukan semata-mata suatu organisasi sahaja tetapi adalah melambangkan suatu bentuk kerajaan yang mempunyai struktur pentadbiran sendiri. Ia mempunyai Majlis

Tertinggi di peringkat pusat, Majlis Provinsi di peringkat wilayah dan Majlis Municipal di peringkat bandar. Kesemua ahli tersebut dipilih melalui pilihan raya. Berdasarkan struktur pentadbiran ini jelaslah bahawa Katipunan mempunyai ciri-ciri sebuah bentuk kerajaan yang bercorak demokrasi. Bagi Bonifacio penubuhan Katipunan sudah memberikan gambaran sejelas-jelasnya sebagai suatu kerajaan. Katipunan telah menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat Filipina untuk melihat Filipina sebagai *motherland*.

Idea *motherland* Bonifacio dapat dilihat dalam diri golongan *bayani* yang cuba dilahirkan olehnya melalui persatuan Katipunan. Untuk Bonifacio nasionalisme adalah menjadi seorang *bayani*. Golongan *bayani* adalah seorang yang mempunyai sifat patriotisme yang tinggi dan sanggup berkorban demi negara. Dengan sebab itu, *bayani* diletakkan dalam peringkat atas sekali dalam tahap keahlian Katipunan. Semua ahli yang menyertai Katipunan, akhirnya mesti menjadi seorang *bayani*. Dengan kata lain Katipunan cuba melahirkan *filibuster* dengan menjadi seorang *bayani*. Sebelum seseorang itu menjadi *bayani*, sudah semestinya ia perlu memiliki semangat cinta kepada *motherland*nya. Apabila seseorang itu sudah mempunyai semangat cinta kepada *motherland*, sudah tentu mereka akan melakukan apa sahaja demi mempertahankan *motherland* sehingga sanggup mengorbankan nyawa mereka. Dengan itu, melalui kumpulan *bayani*, Bonifacio berhasrat untuk menanam sifat heroisme iaitu golongan yang sanggup berkorban untuk negara. Dengan kata lain, kumpulan *bayani* ini melambangkan tahap tertinggi sifat patriotisme demi membebaskan *motherland* yang dicintai. Semangat cinta terhadap *motherland* inilah yang kita dapat lihat dalam zaman Bonifacio. Bonifacio sedar, apabila penduduk Filipina sudah mempunyai cinta yang luhur untuk *motherland*, ini akan mendorong mereka memperjuangkan *motherland* mereka dari belenggu penjajah.

Bonifacio pula berhasrat mendapatkan *motherland* yang tercinta melalui suatu revolusi. Dengan itu ahli-ahli Katipunan dilatih sebagai persediaan ke arah melancarkan revolusi. Ketika Filipina berjaya melancarkan revolusi pada tahun 1896, tiada negara di rantau Asia Tenggara ini yang aktif dalam gerakan kemerdekaan. Hanya orang Filipina berjaya melancarkan revolusi dalam tempoh yang begitu awal. Revolusi yang dilancarkan ini dapat dikatakan menjadi sumber inspirasi kepada negara lain.

Bagaimana revolusi yang sebeginu besar berjaya dilancarkan oleh orang Filipina? Sudah tentu peranan yang dimainkan oleh Bonifacio yang berjaya menyediakan orang Filipina ke arah itu. Tanpa cinta terhadap *motherland* pasti revolusi itu tidak akan berjaya di kalangan orang Filipina. Melalui penulisan, beliau berjaya mempengaruhi orang Filipina khasnya golongan massa untuk mencintai Filipina dan seterusnya berjaya menyediakan mereka ke arah revolusi. Hampir kebanyakannya tulisannya menjurus kepada idea *motherland*. Misalnya antara tulisan Bonifacio seperti *Pagibig sa Timubuang Bayan* (Love of Country), *Tapunan ng Lingap* (Give us your Love), *Katapusang Hibik ng Pilipinas* (The Last Appeal of the Philippines), *Ang Dapat Mabatid ng mga Tagalog* (What the Filipinos should know), dan sebagainya menekankan idea *motherland* dan mencintai serta mengorbankan diri dengan mencapai tahap *martyrs*. Karya-karya tersebut benar-benar mencetuskan impak mendalam kepada orang Filipina. Semua penulisan Bonifacio memastikan orang Filipina akan mencerahkan sifat cinta kepada negara Filipina. Antara kenyataan beliau yang mempengaruhi jiwa orang Filipina ialah:- tiada yang indah selain pengorbanan untuk *motherland*, cinta yang paling suci dan besar adalah cinta kepada negara, setiap darah yang dititiskan untuk *motherland* dianggap sebagai kejayaan yang paling gemilang, nyawa yang didedikasikan untuk mempertahankan *motherland* dianggap paling mulia dan kegemilangan sebenar.

Kata-kata seperti ini sudah tentu akan memberikan semangat kepada orang Filipina untuk menyertai revolusi. Impak daripada idea *motherland* yang ditekankan dalam penulisan Bonifacio jelas terbukti apabila penduduk dari merata tempat dari kepulauan Filipina datang ke Tondo semata-mata untuk menyertai Katipunan dan sanggup berjuang untuk *motherland* mereka. Misalnya melalui tulisan Bonifacio, Katipunan berjaya mengumpulkan kira-kira tiga puluh ribu orang ahli.

Idea *motherland* disemaikan bukan setakat menerusi penulisan malah melalui prinsip dan kegiatan Katipunan. Ahli-ahli Katipunan diwajibkan memberi taat kepada peraturan Katipunan dan menekankan disiplin yang kuat. Kemasukan dalam Katipunan bukan diterima dengan mudah tetapi melalui beberapa ujian yang terperinci. Kesemua ujian itu menguji akan tahap sifat patriotisme dan semangat cintakan terhadap *motherland* yang mereka miliki. Mereka juga melalui upacara-upacara yang mengerunkan seperti mengadakan perjanjian darah, mencium tengkorak dan sebagainya yang menakutkan ahli-ahli agar benar-benar memberi taat setia dalam perjuangan membela *motherland*.

Semangat taat setia kepada *motherland* ini, berjaya disemaikan dalam jiwa ahli-ahli Katipunan menerusi idea masonik yang ada pada diri Bonifacio. Pengalaman sebagai ahli mason digunakan untuk menerapkan sifat keberanian dalam diri orang Filipina. Perlu diingat mason adalah seseorang yang sanggup berkorban demi negara. Idea masonik ini diterapkan ke dalam Katipunan agar sifat berani mati untuk negara disemai dalam diri setiap ahli Katipunan. Bonifacio juga sedar bahawa, untuk menentang musuh dalam medan peperangan, sifat patriotisme sahaja tidak mencukupi malah memerlukan sifat keberanian untuk menentang musuh tanpa berundur iaitu mereka mestilah berjuang sepenuh hati tanpa memikirkan nyawa mereka. Sekiranya nyawa mereka terkorban ia adalah pengorbanan

untuk *motherland* yang dicintai iaitu Filipina. Dengan sebab itu, Andres Bonifacio selalu mengingatkan golongan revolusioner dengan kata-kata, tiada yang lebih indah daripada berkorban untuk negara. Kata-kata ini sudah tentu memberi semangat kepada orang Filipina menyertai gerakan revolusi.

Walaupun orang Filipina sudah mempunyai sifat cintakan *motherland* yang mendalam, namun mereka juga memerlukan persediaan dari segi kelengkapan senjata untuk melancarkan revolusi. Memang tidak dapat dinafikan mereka menghadapi masalah kekurangan senjata. Memandangkan semangat cintakan terhadap *motherland* yang begitu dalam telah mendorong mereka berikhtiar untuk menyediakan senjata. Sungguhpun mereka kekurangan senjata moden tetapi mereka sanggup berjuang dengan senjata tradisional seperti *bolo* semata-mata untuk membuktikan cinta mereka yang begitu mendalam terhadap *motherland* Filipina. Sekiranya sudah memiliki semangat cintakan terhadap *motherland* yang tidak berbelah-bahagi, seseorang itu dapat melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat mereka. Sifat ini jelas di Filipina, di mana walaupun mereka kekurangan senjata namun dengan berbekalkan semangat cintakan *motherland*, mereka berjuang bersungguh-sungguh untuk membebaskan *motherland* mereka daripada kekejaman penjajah.

Jadi apakah perbezaan sumbangan antara Rizal dan Bonifacio? Rizal tidak membentuk semangat untuk menentang penjajah. Tetapi Bonifacio berjaya membentuk semangat dalam diri ahli Katipunan. Bonifacio berjaya mempengaruhi golongan massa kerana beliau menggunakan bahasa Tagalog iaitu bahasa yang difahami oleh golongan massa. Tulisan-tulisan Bonifacio mudah difahami dan menyentuh hati golongan massa. Dengan sebab itu idea revolusi berjaya diserapkan dalam jiwa rakyat bawahan.

Keupayaan Bonifacio dalam mengumpulkan kira-kira 30,000 orang ahli dalam Katipunan. Ini adalah satu kejayaan besar kerana bukan mudah untuk mengumpulkan dan menyatupadukan rakyat yang begitu ramai ke arah satu tujuan yang sama dan di bawah satu bumbung serta di bawah seorang kepimpinan. Dengan ini jelas, walaupun Katipunan melambangkan hanya satu lapisan masyarakat sahaja iaitu golongan massa, tetapi Katipunan adalah suatu organisasi yang kukuh dan bukan mudah untuk dibentuk ketika itu. Di samping itu satu lagi kejayaan Bonifacio adalah kebolehannya melibatkan bersama kaum wanita dalam revolusi. Misalnya Marina Dizon menjadi presiden bagi ahli-ahli Katipunan wanita.

Sesungguhnya Katipunan amat mementingkan usaha memelihara maruah bangsa Filipina dalam perjuangannya. Pengasasan Katipunan dan pelancaran revolusi bukan sahaja menunjukkan kejayaan besar bagi Bonifacio tetapi juga adalah kejayaan dan kebolehan golongan massa yang tidak berpendidikan mengatasi golongan yang berpendidikan tinggi. Rizal daripada golongan *ilustrado* yang berpendidikan Eropah tidak menyokong revolusi dengan alasan rakyat belum bersedia. Walaupun pengaruh Eropah penting untuk melancarkan revolusi tetapi Bonifacio yang tidak pernah pergi ke luar negara berani dan berjaya mulakan revolusi di Filipina.

Bagi saya, hero yang sebenar atau *bayani* adalah Bonifacio kerana beliau boleh dikatakan mempunyai ciri-ciri seorang bangsa Filipina yang tulen. Di mana beliaulah orang pertama yang memperjuangkan sebuah negara untuk bangsa Filipina. Mengapa Rizal tidak boleh dianggap sebagai *bayani*? Ini kerana Rizal masih berpegang kepada Sepanyol. Beliau tidak memperjuangkan kemerdekaan tetapi hanya mahu pengiktirafan daripada pihak

Sepanyol. Hanya Bonifacio yang mengambil inisiatif untuk menuntut kemerdekaan melalui suatu revolusi.

Kita tidak boleh mengasingkan perjuangan Rizal dan Bonifacio. Walaupun corak perjuangan Bonifacio berbeza, beliau sebenarnya telah meneruskan aktiviti nasionalisme yang mula tergugat dengan kematian Rizal. Kematian Rizal telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam terhadap Bonifacio. Bonifacio yang selama ini membiarkan Rizal sebagai tonggak dalam menentukan hala tuju nasionalisme Filipina, beliau terpanggil untuk memimpin anak-anak tempatan meneruskan perjuangan heronya yang belum selesai. Ternyata aliran pasif yang menjadi teras perjuangan Rizal telah memakan dirinya sendiri. Bonifacio telah mengikuti segala perjuangan ini dengan cukup teliti. Kegagalan Rizal dalam perjuangan itu memperkuuhkan lagi pendapat bahawa perjuangan pasif bukanlah cara yang sesuai untuk menangani musuh mereka iaitu pihak Sepanyol. Maka Bonifacio telah menggunakan pendekatan radikal dalam perjuangan beliau. Penubuhan Katipuan adalah asas kepada perjuangan secara radikal.

Perubahan dalam corak penentangan ini tidak pula bermaksud Bonifacio memandang remeh segala titik peluh Rizal. Kita sedia mengetahui bahawa Bonifacio mempunyai penghormatan yang amat tinggi terhadap heronya itu. Peristiwa penghantaran Pio Valenzuela untuk berjumpa Rizal bagi mendapatkan pandangan beliau tentang cadangan untuk melancarkan revolusi adalah bukti betapa hormatnya Bonifacio terhadap Rizal. Penghormatan kepada heronya juga jelas terbukti, apabila Bonifacio melancarkan revolusi hanya selepas kematian Rizal.

Jelaslah kematian Rizal seorang tokoh yang terbilang telah membawa kekecewaan yang teramat sangat kepada nasionalis tempatan dan kini mereka perlu menggunakan kekerasan. Peristiwa penahanan Rizal, penubuhan Katipunan sejurus selepas itu, pembunuhan Rizal, pelancaran revolusi dan kemunculan Bonifacio sebagai pemimpin nasionalis Filipina adalah titik tolak yang sungguh bermakna dalam perkembangan nasionalisme Filipina. Kematian hero yang disanjungi selama ini membuka ruang kepada Bonifacio yang kemudiannya menjadi hero di kalangan penduduk tempatan khasnya golongan bawahan.

Seorang lagi tokoh penting yang telah mencorakkan sejarah nasionalisme Filipina ialah Aguinaldo. Beliau sebenarnya meneruskan perjuangan aktif Bonifacio. Aguinaldo berpendapat sifat patriotisme dan heroisme saja tidak mencukupi untuk menjayakan revolusi di Filipina. Beliau sedar, golongan revolucioner ini harus diberi latihan ketenteraan yang mencukupi. Dengan kata lain, beliau berjaya menanam sifat militan di kalangan orang Filipina. Usaha Aguinaldo memang menampakkan hasil dimana pada masa kepimpinan beliau golongan revolusi lebih arif dalam penggunaan senjata dan juga bersifat lebih agresif dalam menghadapi musuh.

Kemunculan Aguinaldo juga telah membawa masalah perpaduan pada peringkat awal dan Bonifacio telah menjadi mangsa. Perpecahan antara kumpulan Magdalo dan Magdiwang telah berlaku dan ini menunjukkan tiada perpaduan penuh di kalangan orang Filipina. Perpecahan wujud dalam keahlian Katipunan akibat sifat cemburu golongan *ilustrado*. Bonifacio juga tidak mendapat sokongan penuh kerana beliau melancarkan revolusi lebih awal. Walaupun Bonifacio mempunyai alasan tersendiri iaitu kerana Sepanyol telah mengetahui rahsia Katipunan dia terpaksa melancarkan revolusi lebih awal

daripada tarikh yang sepatutnya, tetapi yang lebih penting Bonifacio hilang sokongan kerana beliau bukan dari golongan elit. Golongan *ilustrado* kini sedar bahawa untuk mentadbir negara dan mendirikan kerajaan, mereka memerlukan seorang yang berpendidikan. Oleh sebab Bonifacio yang kurang pendidikan, beliau diatasi oleh Aguinaldo yang berpendidikan tinggi. Jika tidak berlaku perpecahan antara Aguinaldo dan Bonifacio kemungkinan besar republik Malolos dibentuk lebih awal. Sudah tentulah kewujudan dua golongan bukan petanda baik dalam perjuangan ke arah pembentukan sebuah negara.

Kalau Bonifacio telah mengubah sejarah nasionalisme Filipina, Aguinaldo pula telah merealisasikan pembentukkan sebuah negara Filipina yang benar-benar berdaulat. Bagi Aguinaldo semangat cintakan *motherland* itu harus dimanifestasi melalui satu bentuk kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini merupakan tahap tertinggi di dalam perjuangan menuntut kebebasan. Republik Malolos yang ditubuhkan oleh beliau adalah satu gambaran sebuah kerajaan yang dibina oleh rakyat, untuk rakyat, dan bercirikan unsur-unsur tempatan. Rakyat diberi hak sama rata, keadilan, kebebasan bersuara, serta penerapan kebudayaan tempatan adalah apa yang telah dicapai oleh Republik Filipina ini. Ini selaras dengan konsep *liberty*, *equality* dan *fraternity*. Maka republik ini tidak syak lagi, ia melambangkan semua lapisan masyarakat Filipina. Dengan kata lain pembentukan republik adalah lambang pembebasan *motherland* tersebut yang dicintai serta pemberian identiti kepada *motherland* tersebut sebagai sebuah negara yang bebas berdaulat dan mempunyai perlembagaan sendiri. Namun Republik Malolos ini tidak kekal lama kerana pihak Amerika Syarikat telah mengambil Filipina melalui Perjanjian Paris yang ditandatangani dengan pihak Sepanyol pada Disember 1898.

Republik Malolos mungkin satu bentuk kerajaan yang tidak bertahan lama tetapi kejayaan pembentukannya adalah kejayaan nasionalis Filipina khasnya Aguinaldo. Meneliti perkembangan nasionalisme sebelum ini, kita dapati Jose Rizal meletakkan asas nasionalisme, manakala Bonifacio menganggap Katipunan yang dibentuknya sebuah kerajaan. Ternyata kedua-dua tokoh ini merupakan satu perjuangan yang tidak lengkap. Tidak ada bentuk kerajaan yang diwujudkan semasa Rizal dan Katipunan sebagai sebuah kerajaan sememengnya boleh dipersoalkan. Aguinaldo telah mengatasi kelemahan-kelemahan ini dengan menggariskan republik sebagai satu bentuk kerajaan Filipina, seterusnya meletakkan asas dalam pentadbiran kerajaan Filipina secara bebas dan mengikut kesesuihan tempatan. Ini merupakan satu kejayaan yang cukup besar.

Namun begitu republik yang dibentuk menggambarkan kelemahan. Aguinaldo menganggap republik melambangkan orang Filipina iaitu melambangkan semua lapisan masyarakat. Tetapi masyarakat Filipina tidak setuju dengan pendapat Aguinaldo memihak kepada satu golongan sahaja. Dengan ini persoalan timbul adakah Republik Malolos melambangkan orang Filipina? Semasa krisis dalam Katipunan, Aguinaldo menuduh Bonifacio hanya memihak kepada satu golongan sahaja iaitu golongan massa. Manakala Aguinaldo pula memihak kepada golongan *ilustrado*. Namun kelemahan-kelemahan pasti wujud dalam proses mencari formula yang paling sesuai untuk mentadbir kerajaan baru seperti Filipina.

Walaupun Aguinaldo menjadi puncak kepada nasionalisme Filipina, peranan ketiga-tiga tokoh tersebut adalah penting dalam sejarah perkembangan nasionalisme Filipina. Jika Rizal tidak membuka jalan kepada perkembangan idea nasionalisme tidak mungkin Bonifacio dan Aguinaldo berjaya dalam perjuangan mereka. Jika Bonifacio tidak

menunjukkan jalan untuk revolusi dan meletakkan Filipina sebagai *motherland*, Aguinaldo tidak mungkin mengasaskan kerajaan republik di Filipina. Jika Rizal tidak membangkitkan kesedaran nasional di kalangan rakyat Filipina, tidak mungkin Bonifacio berjaya menyatukan rakyat dalam Katipunan untuk melancarkan revolusi. Oleh itu, ketiga-tiga tokoh ini adalah penting dalam mengkaji perkembangan idea nasionalisme Filipina. Secara ringkasnya boleh dikatakan Rizal membawa idea nasionalisme pasif, Bonifacio membawa idea revolusi dan Aguinaldo pula membawa idea republik. Dengan ini dapat dikatakan ketiga-tiga tokoh ini berkarakteristik dan memainkan peranan yang sama penting dalam perkembangan idea nasionalisme di Filipina dengan konsep *motherland* menjadi pegangan mereka. Dengan ini jelas idea nasionalisme datang daripada tokoh dan semangat nasionalisme pula lahir melalui penulisan dan organisasi.

Jelaslah bahawa nasionalisme di Filipina mempunyai peringkat-peringkat yang tersendiri. Bermula daripada penentangan-penentangan yang kecil ia telah berkembang sebagai satu gerakan bersifat pasif iaitu pada peringkat awal abad ke 19. Dengan keadaan-keadaan yang mendesak strategi pasif ini telah bertukar menjadi aktif pada penghujung abad ke 19. Sifat nasionalis juga menampakkan perubahan iaitu daripada bersifat patriotisme, heroisme dan akhirnya sifat militan. Nasionalisme telah membawa kepada semangat cintakan *motherland*. Berdasarkan cinta terhadap *motherland* inilah nasionalis Filipina telah mencapai apa yang diidamkan iaitu kelahiran sebuah Republik Filipina yang melambangkan aspirasi rakyat Filipina. Kesanggupan nasionalis dan rakyat Filipina menghadapi dua negara Barat dan kemuncaknya mengisyiharkan pemerintahan mereka sendiri boleh dianggap kemuncak kepada nasionalisme di Filipina. Filipina akhirnya mencapai kemerdekaan pada 4 Julai 1946 yang menjadikannya negara pertama di Asia Tenggara mencapai kemerdekaan.